

Pumas aset baharu UTHM

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengorak selangkah ke hadapan apabila mempunyai pusat latihannya tersendiri dikenali sebagai Pusat Minda Emas (Pumas), di Tanjung Laboh, Senggarang, di sini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, pusat latihan itu dibina pada 2011 siap sepenuhnya pada 2016, adalah aset baharu UTHM yang turut berfungsi sebagai pusat aktiviti setempat alternatif kepada staf dan pelajarinya.

Menurutnya, kedudukan Pumas UTHM ini sememangnya strategik kerana terletak kira-kira 13 kilometer daripada bandar Batu Pahat dan 25 kilometer daripada kampus induk UTHM di Parit Raja.

Katanya, mengikut perancangan UTHM, kedudukannya berselaban lapangan terbang Tanjung Laboh akan turut dijadikan kegunaan serta pengajaran program aeronautik.

"Kemudahan pusat latihan terletak di tanah seluas enam hektar ini merielan belanja kira-kira RM11 juta. Ia merangkumi sebuah dewan seminar boleh memuatkan 200 orang, tiga bilik latihan, dewan makan, suau serta blok penginapan serta penginapan VIP."

"Dengan sempurnanya Pumas UTHM ini, program serta latihan,



Idris (dua, kanan) menyiram pokok sebagai simbolik perasmian Pumas UTHM sambil diperhatikan oleh Mohd Noh.

bengkel juga mesyuarat akan dapat diadakan di sini. Ia akan dapat menambahkan rasa sayang warga UTHM dengan aset yang mereka miliki.

"Pumas UTHM ini juga akan dapat memberikan sumber ekonomi kepada UTHM sendiri, apabila ia dibuka untuk sewaan kepada agensi awam mahupun swasta," katanya sermasa perasmian Pumas UTHM yang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Tambah Mohd Noh lagi, kewujudan Pumas UTHM ini juga sebagai nukleus pencetus pembangunan baharu bagi daerah Batu Pahat, apa-

bila landskap pembangunan Tanjung Laboh akan berkembang, selain pembangunan lapangan terbang di kawasan berkenaan.

Sementara itu, kakitangan UTHM, Nadia Sukor, 23, berkata, dengan adanya Pumas UTHM ini menjadikannya mengorak maju ke hadapan apabila mempunyai pusat latihannya sendiri.

"Jika sebelum ini staf UTHM perlu keluar untuk menjalani kursus atau latihan tetapi dengan adanya Pumas UTHM ini, ia membolehkan kami mengadakan kursus dirancang di dalam kampus kami sendiri," katanya.